Ian James Rogers lwn Menteri Sumber Manusia & Satu lagi (No 2)

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO R3-25-161-1996
NIK HASHIM PK
27 MAC 1997

Acara Sivil *— Writ/perintah prerogatif — Certiorari — Permohonan untuk mendapatkan kebenaran dibuat di luar masa — Sama ada perkiraan tempoh enam minggu yang ditetapkan di bawah A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bermula dari tarikh keputusan dibuat atau dari tarikh keputusan diterima oleh pemohon — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 1A*

Pemohon memfailkan notis usul ex parte untuk mendapatkan kebenaran untuk memohon satu perintah certiorari untuk membatalkan keputusan penentang yang dikeluarkan pada 25 Oktober 1996 dan telah diterima oleh pemohon pada 6 November 1996. Notis usul difailkan pada 9 Disember 1996, tiga hari lewat daripada tempoh enam minggu yang ditetapkan di bawah A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

Diputuskan, menolak permohonan:

Adalah menjadi undang-undang yang sudah mantap bahawa perkiraan tempoh enam minggu di bawah A 53 k 1A KMT bermula dari tarikh keputusan dibuat dan bukan dari tarikh keputusan itu diterima oleh pemohon. Notis usul pemohon untuk perlanjutan masa bagi memfailkan notis usul ex parte di luar masa telah ditolak oleh mahkamah ini sebelum pendengaran notis usul ex parte ini. Oleh itu, notis usul ex parte ini telah difailkan di luar masa dan mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan permohonan yang sudah di luar masa (lihat ms 295I dan 296A–D).

[English summary

The applicant filed an ex parte notice of motion for leave to apply for an order of certiorari to quash the decision of the respondent which was issued on 25 October 1996 and was received by the applicant on 6 November 1996. The notice of motion was filed on 9 December 1996, three days later than the six-week period stipulated under O 53 r 1A of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC').

Held, dismissing the application:

It is settled law that the calculation of the six-week period under O 53 r 1A of the RHC commences from the date of the decision and not from the date the decision is received by the applicant. The applicant's notice of motion for extension of time to file the ex parte notice of motion out of time was dismissed by this court before the hearing of the ex parte notice of motion. Therefore, the ex parte notice of motion had been filed out of time and the court had no

jurisdiction to allow an application that was already out of time (see pp 295I and 296A–D).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai writ/perintah prerogatif, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 2775–2848.

Kes-kes yang dirujuk

Bosco Philip Anthony v Electrical Industry Workers Union & Anor (Usul Pemula No R3–25–132–96 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, tidak dilaporkan) (diikut)

Md Aris bin Zainal Abidin lwn Suruhanjaya Pasukan Polis & Satu lagi [1996] 1 CLJ 303 (diikut)

Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour & Manpower & Anor [1983] 2 MLJ 54 (diikut)

Ravindran v Malaysian Examinations Council [1984] 1 MLJ 168 (diikut)

Sarjit Singh Khaira, Re [1990] 1 MLJ 36 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 20(3)

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 k 10(2), A 53 k 1A

FY Lim (*Lim Kian Leong & Co*) bagi pihak pemohon.

Haliza bte Othman (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak penentang.

Cur Adv Vult

Nik Hashim PK: Ini merupakan satu notis usul ex parte (lampiran 3) untuk mendapat kebenaran untuk memohon satu perintah certiorari untuk membatalkan keputusan penentang kerana tidak merujuk perkara pembuangan kerja pemohon kepada Mahkamah Perusahaan di bawah s 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dan kebenaran untuk memohon satu perintah mandamus untuk mengarahkan penentang merujukkan perkara pemecatan pemohon kepada Mahkamah Perusahaan. Keputusan penentang telah dikeluarkan pada 25 Oktober 1996, dan telah diterima oleh pemohon pada 6 November 1996. Notis usul ini telah difailkan pada 9 Disember 1996, dan sekiranya tempoh enam minggu yang ditetapkan di bawah A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') diambil kira mulai 25 Oktober 1996, maka pemfailan notis usul ini adalah tiga hari lewat.

Adalah menjadi undang-undang yang sudah mantap bahawa perkiraan tempoh enam minggu di bawah A 53 k 1A KMT bermula dari tarikh keputusan dibuat dan bukan dari tarikh keputusan itu diterima oleh pemohon: *Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour & Manpower & Anor* [1983] 2 MLJ 54 (FC); *Md Aris bin Zainal Abidin lwn Suruhanjaya Pasukan Polis & Satu lagi* [1996] 1 CLJ 303; *Re Sarjit Singh Khaira* [1990] 1 MLJ 36; *Ravindran v Malaysian Examinations Council* [1984] 1 MLJ

168; *Bosco Philip Anthony v Electrical Industry Workers Union & Anor* (Usul Pemula No R3–25–132–96 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, tidak dilaporkan). A

Notis usul (lampiran 6) pemohon untuk perlanjutan masa bagi memfailkan notis usul ex parte (lampiran 3) di luar masa telah ditolak oleh mahkamah ini sebelum pendengaran notis usul ex parte ini. Oleh itu, notis usul ex parte ini telah difailkan di luar masa. Lagi pun, afidavit pemohon yang menyokong notis usul ex parte adalah tidak sah kerana pemohon dan notari awam adalah buta huruf dalam Bahasa Melayu dan tidak ada jurat dalam afidavit yang menerangkan bahawa pemohon faham Bahasa Melayu. Afidavit pemohon dalam Bahasa Inggeris juga tidak boleh diterima kerana ia adalah terjemahan afidavit asal yang telah diputuskan tidak sah. Jadi, ia juga menjadi afidavit yang tidak sah. Sekiranya ia diambil kira sekalipun, ia masih tidak boleh diterima kerana ia tidak terlebih dahulu dibayar dengan fee mahkamah (A 41 k 10(2) KMT) dan kecacatan ini, pada hemat saya, tidak boleh dibaiki. Dengan itu, kedua-dua afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu dan Inggeris tidak dapat terima untuk menyokong notis ex partenya. Atas sebab-sebab tersebut, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan permohonan ini yang sudah di luar masa, dan juga tanpa bukti sokongan, notis usul ex parte tidak dapat dibenarkan, dan dengan itu, permohonan ini ditolak dengan kos. B C D

Permohonan ditolak. E

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar

F

G

H

I